

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER I SESI AKADEMIK 2013-2014  
IJAZAH SARJANAMUDA DENGAN KEPUJIAN**

**DISEMBER 2013/JANUARI 2014**

**MASA : 3 JAM**




**KOD KURSUS : EPPA2413**

**TAJUK KURSUS : UNDANG-UNDANG KOMERSAN**

- ARAHAN :**
1. Kertas ini mempunyai Bahagian A, B dan C.
  2. Jawab SATU (1) soalan dalam Bahagian A, SEMUA soalan dalam Bahagian B dan SATU (1) soalan dalam Bahagian C dalam buku jawapan yang diedarkan.
  3. Jumlah markah keseluruhan kertas ini 60 markah.
  4. Kertas soalan tidak dibenarkan dibawa keluar daripada Dewan Peperiksaan.

---

**Kertas soalan ini mengandungi 4 muka surat bercetak, tidak termasuk muka surat ini.**



MS ISO 9001 REG NO. AR 2845

**BAHAGIAN A****SOALAN 1 (10 MARKAH)**

- a. Apakah maksud undang-undang perwakilan dan bagaimanakah ia digubal? (4 markah)
- b. Dengan merujuk seksyen 3 dan seksyen 5 Akta Undang-Undang Sivil 1956 bincangkan pemakaian undang-undang Inggeris di Perak. Sokong jawapan dengan satu (1) kes mahkamah. (6 markah)

**SOALAN 2 (10 MARKAH)**

- a. Muna mempelawa Suria ke Kuala Lumpur untuk tinggal beberapa hari di rumah beliau semasa cuti semester baru-baru ini. Suria menaiki pesawat dari Kelantan ke Kuala Lumpur bersama sepupunya Junaida, yang turut menemani beliau. Sejurus tiba di Kuala Lumpur, mereka terperanjat apabila mendapati Muna telah pun ke Australia untuk bercuti. Kerana tiada tempat tinggal yang lain, Suria dan Junaida terpaksa menginap di hotel. Suria ingin menyaman Muna kerana pecah kontrak tetapi Muna menafikannya atas alasan tiada niat untuk mengwujudkan kontrak di sisi undang-undang. (5 markah)
- b. Bincangkan mana-mana satu (1) keadaan yang mana perbuatan membisu itu menjadi suatu tipuan dengan memberi satu misalan yang terdapat dalam Akta Kontrak 1950. (3 markah)
- c. Berikan prinsip dalam kes Bee Chuan Rubber Factory lwn Loo Sam Mooi [1976] 2 MLJ 14. (2 markah)

**BAHAGIAN B****SOALAN 1 (10 MARKAH)**

- a. Salah satu syarat dalam ejensi secara keperluan ialah wujud keadaan kecemasan yang memerlukan ejen bertindak segera bagi mengelakkan prinsipal daripada mengalami kerugian. Jelaskan tentang syarat ini dengan disokong oleh satu (1) kes mahkamah. (4 markah)
- b. Angelo, seorang usahawan sarang burung walit dari Sabah berhasrat mengembangkan perniagaannya ke Semenanjung Malaysia. Angelo telah melantik Andi sebagai ejennya dan meminta Andi membuat promosi bagi produk keluaran syarikat. Bagi tujuan itu, Angelo menghantar 5kg sarang burung setiap bulan kepada Andi. Walaupun permintaan terhadap

produk tersebut sangat tinggi, Andi telah menjual kepada Lim, seorang pengusaha minuman kesihatan dengan harga yang murah sebagai balasan terhadap pemberian tender bernilai RM200,000 oleh Lim kepada Andi. Bincangkan mana-mana dua (2) hak Angelo terhadap Andi dan Lim. Sokong jawapan dengan satu (1) kes mahkamah.

(6 markah)

### SOALAN 2 (10 MARKAH)

a. Apabila suatu kontrak jualan barangan tidak memperuntukkan terma nyata tentang sesuatu perkara, terma tersirat seperti yang terkandung dalam Akta Jualan Barangan 1957 akan terpakai untuk perkara tersebut. Huraikan terma tersirat berhubung hak milik seperti mana yang diperuntukkan oleh Akta dengan disokong oleh satu (1) autoriti kes.

(5 markah)

b. “Dalam kontrak jualan barangan, risiko terhadap barangan masih terletak pada penjual selagi pemunyaan terhadap barangan itu tidak berpindah kepada pembeli. Apabila pemunyaan berpindah, risiko juga berpindah kepada pembeli tidak kira sama ada hantar serahan telah berlaku atau tidak.”

Sejauh manakah anda bersetuju dengan kenyataan di atas? Jelaskan dengan merujuk Akta Jualan Barangan 1957 dan satu (1) kes mahkamah.

(5 markah)

### SOALAN 3 (10 MARKAH)

Lim, yang terlibat dalam suatu kemalangan jalanraya telah membuat tuntutan pampasan daripada penanggung insuransnya, Capital Assurance Bhd. Namun, Capital Assurance enggan membayar pampasan kepada Lim setelah ia mendapati bahawa Lim sebenarnya telah banyak kali disaman kerana memandu melebihi had laju, sedangkan fakta ini tidak didedahkan oleh Lim dalam borang cadangan insuransnya. Tentukan sama ada Capital Assurance berhak atau tidak menolak tuntutan pampasan yang dibuat oleh Lim.

(10 markah)

### SOALAN 4 (10 MARKAH)

Bincangkan isu yang timbul dalam situasi berikut:

a. Siva, yang berminat menyewa beli sebuah peti sejuk telah diberi satu pernyataan bertulis Bahagian 1 Jadual Kedua oleh Syarikat Kool Sdn. Bhd. yang menyatakan mengenai obligasi

kewangan Siva di bawah sewa beli tersebut. Namun, apabila Siva membatalkan niatnya untuk menyewa beli peti sejuk itu, Syarikat Kool bertegas bahawa Siva tidak boleh berbuat demikian kerana dia sudah terikat dengan kontrak sewa beli memandangkan syarikat telah mengeluarkan pernyataan bertulis untuk Siva.

(3 markah)

b. Aizad telah menyewa beli sebuah mesin basuh daripada Syarikat EZ Clean Sdn. Bhd. Perjanjian sewa beli yang dimasuki merupakan dokumen kosong yang ditandatangani oleh Aizad seorang sahaja.

(3 markah)

c. Pada 7 September 2013, Syarikat Superbike telah menyerahkan notis Jadual Keempat kepada Nizar yang gagal membayar ansuran bulanan motosikal yang disewa beli selama dua bulan berturut-turut. Pada 26 September 2013, Syarikat Superbike telah mengambil semula milikan motosikal tersebut apabila tidak mendapat apa-apa maklum balas daripada Nizar.

(4 markah)

## BAHAGIAN C

### SOALAN 1 (10 MARKAH)

a. Huraikan tiga (3) ciri kebolehiagaan berdasarkan Akta Bil Pertukaran 1949 dan satu (1) kes mahkamah.

(5 markah)

b. Berdasarkan ciri-ciri kebolehiagaan yang anda huraikan di atas, jelaskan sama ada berlaku atau tidak niagaan surat cara dalam situasi berikut, juga sama ada pihak yang berkenaan mendapat hak milik yang sah atau tidak ke atas surat cara tersebut:

i. Hai Lam mengeluarkan cek bernilai RM2,000 atas nama Ban Dong. Kemudian, Ban Dong mengendors dan menghantar serah cek tersebut kepada Kung Foo bagi menjelaskan harga komputer yang dibelinya daripada Kung Foo.

(2 markah)

ii. Sam Prit mengeluarkan cek bernilai RM1,000 atas nama 'Samdol atau pembawa' dan mengirimnya secara pos. Sam Seng mencuri cek tersebut dan menggunakannya untuk membayar sewa rumah kepada Sam Sung. Sam Sung menerima cek itu secara bona fide.

Adakah jawapan anda berbeza jika Sam Prit memalang 'tidak boleh niaga' di atas cek tersebut?

(3 markah)

**SOALAN 2 (10 MARKAH)**

Dato' Man Top, peminat barangan antik, bersetuju untuk membeli sebuah tembikar porselin berharga RM200,000 daripada Lan Kidal. Menurut Lan Kidal, tembikar tersebut merupakan koleksi seorang maharani Dinasti Manchu di China. Hakikatnya, tembikar itu hanyalah tembikar biasa yang dibelinya di Sarawak dengan harga RM1,000. Lan Kidal turut memberitahu Dato' Man Top bahawa harga kos tembikar berkenaan ialah RM150,000 dan untung yang diperolehnya ialah RM50,000. Selain itu, terdapat kesan rekahan pada bahagian tapak tembikar tetapi ia berjaya disembunyikan oleh Lan Kidal dengan melekatkan tembikar tersebut pada tapak sebuah peti kaca.

Berdasarkan situasi di atas, jelaskan bentuk-bentuk penipuan dalam perniagaan yang telah dilakukan oleh Lan Kidal. Sokong jawapan anda dengan dalil Al-Quran dan Hadith yang berkaitan.

**' SELAMAT MAJU JAYA '**